

19 MAR 1997

Kabinet-Singapura

KABINET TERIMA PERMOHONAN MAAF LEE

KUALA LUMPUR, 19 Mac (Bernama) -- Kabinet hari ini menerima permohonan maaf Menteri Kanan Singapura Lee Kuan Yew dan penarikan balik kenyataannya yang menghina Johor yang telah menimbulkan kekecohan diplomatik antara Malaysia dan Singapura.

Menteri Luar Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi dijangka mengadakan persidangan akhbar di Wisma Putra petang ini untuk menyatakan keputusan penuh Kabinet mengenai perkara itu, kata satu sumber Kabinet.

Lee telah menyifatkan Johor sebagai tempat yang "terkenal dengan tembak-menembak, samun dan rampas kereta" dalam affidavit yang dikemukakan kepada Mahkamah Tinggi Singapura berkaitan saman terhadap seorang pemimpin pembangkang Singapura Tang Liang Hong yang telah lari ke Johor selepas mendakwa menerima ancaman mati.

Lee dan anaknya, Lee Hsien Loong, Timbalan Perdana Menteri Singapura, merupakan plaintif dalam saman itu.

Affidavit itu dihebahkan oleh Tang di Johor Baharu pada Selasa lepas dan menimbulkan bantahan keras di kalangan rakyat, pemimpin kerajaan dan pembangkang negara ini yang bersama-sama mendesak permohonan maaf dan penarikan balik kenyataan itu.

Dua hari kemudian Lee meminta maaf secara terbuka melalui satu kenyataan yang dikeluarkan oleh Setiausaha Akhbarinya. Isnin lepas, beliau mengikutinya dengan kenyataannya sendiri yang menyatakan beliau telah meminta peguamnya mendapatkan kebenaran mahkamah untuk menarik balik bahagian berkenaan daripada rekod mahkamah.

Semalam Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberitahu pemberita bahawa perkara itu akan dibincangkan pada mesyuarat Kabinet hari ini. -- BERNAMA

TM NMO